

Bai'-Al-Inah Menurut Muamalat: Analisis Dari Perspektif Perisian Aplikasi

Nurshuhadak Hehsan, Hussin Salamon,
Faculty Islamic Civilisation, University Technology Malaysia, Skudai, Johor,
Corresponding author: adakavicena@gmail.com,

Article history

Received : 2016-03-27

Received in revised form: 2016-04-12

Accepted: 2017-04-13

Abstract

The concept of Bai 'Al-Inah is one kind of Islamic banking loan products adopted by several Islamic financial institutions in Malaysia. Bai 'Al-Inah terms and in the context of Islamic banking is selling to raise cash immediately (immediate cash-facility). However, it is a scheme application status is still disputed by the ulama' salaf among modern Muslim world. Research should be viewed from the aspect of both the extent to which differences of view and to what extent the adoption and implementation of these concepts are implemented according to the principles of Muamalah Fiqh. In this study, the author is looking at the performance in terms of technical (software Bai 'Al-Inah) that have been adopted so far by Islamic financial institutions in Malaysia. Selection of the concept of Bai' Al-Inah chosen for being the highest services offered by Islamic banking institutions and is the main service subscribed by the people of Malaysia. Although the Shariah Advisory Council of Central Bank of Malaysia (BNM) has been to try and make sure to constantly keep all that felt inappropriate to claim Muamalah Fiqh. However, this does not mean that Islamic financial institutions in Malaysia are now complete for the study authors on some of the existing terms and conditions in this service is still exist some practices that conflict with the claims Muamalah Fiqh. Finally, the paper work to see the constraints that exist and make recommendations and suggestions for improvement and the reference to be updated in the future for the development of Islamic banking in Malaysia in particular and the Muslim world in general.

Keywords: concept of Bai 'Al-Inah, differences of view, software Bai' Al-Inah

Abstrak

Konsep Bai' Al-Inah merupakan salah satu jenis produk pinjaman Perbankan Islam yang diamalkan oleh beberapa institusi kewangan Islam di Malaysia. Bai' Al-Inah dari segi syarak dan dalam konteks perbankan adalah jual beli untuk mendapatkan tunai dengan segera (immediate cash facility). Walau bagaimanapun ia merupakan satu skim yang status pemakaiannya masih dipertikaikan oleh kalangan ulama salaf dan moden di dunia Islam. Pengkajian perlu di lihat dari aspek sejauh mana kedua-dua perselisihan pandangan tersebut dan sejauh manakah pemakaian dan pelaksanaan konsep tersebut dilaksanakan mengikut perinsip dan lulas-lulas Fiqh Muamalah. Dalam kajian ini, penulis lebih melihat kepada pelaksanaan dari segi teknikal (perisian Bai' Al-Inah) yang sudah digunapakai selama ini oleh institusi kewangan Islam di Malaysia. Pemilihan konsep Bai' Al-Inah di pilih kerana menjadi perkhidmatan yang tertinggi di tawarkan oleh institusi perbankan Islam dan merupakan perkhidmatan utama di langgan oleh masyarakat Malaysia. Walaupun Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM) telah berusaha dan memastikan untuk sentiasa mengemaskinikan segala amalan yang dirasa tidak bersesuaian dengan tuntutan Fiqh Muamalah. Namun demikian, ini bukan bererti institusi kewangan Islam di Malaysia sekarang telah sempurna kerana kajian penulis terhadap beberapa syarat dan terma yang wujud dalam perkhidmatan ini mendapati masih wujud beberapa amalan yang bercanggah dengan tuntutan Fiqh Muamalah. Akhir sekali, kertas kerja melihat kekangan yang wujud dan mengemukakan cadangan serta saranan sebagai penambahbaikan dan rujukan untuk dikemaskini di masa hadapan demi kemajuan Perbankan Islam di Malaysia khasnya dan dunia Islam amnya.

Kata kunci: Konsep Bai' Al-Inah, perselisihan pandangan, perisian Bai' Al-Inah

1.0 PENDAHULUAN

Menurut Fuad al-Omar & Mohamed Abdel Haq (1996) Bai' Al-Inah bermaksud perjanjian jual dan beli balik di mana seorang lelaki menjual barang dagangannya kepada orang lain dengan harga yang diketahui dan bayarannya diserahkan kepada penjual dalam tempoh tertentu samaada dengan pembayaran sekaligus atau bayaran ansuran yang telah ditentukan kemudian si penjual(asal) membeli barangan tersebut kembali dengan membayar sejumlah wang yang nilainya lebih rendah dari harga jualan asal sebelum sempurna pembayaran tadi.

Ia tidak dipanggil Al-Inah jika si penjual asal membeli barangan tadi dari pembeli dengan harga jualan pertama yang ditetapkan oleh penjual tadi dan tidak pula dengan harga yang lebih tinggi. Begitu juga, jika ketika berlaku pembelian (semula) tadi, terjadi pula peningkatan harga (dipasaran) sedangkan si penjual tadi benar-benar memerlukan barangan tersebut. Maka si penjual boleh membelinya semula dari pembeli asal dengan harga seperti harga jualannya kepada pembeli, atau dengan nilai yang lebih tinggi. Ini tidak mengapa kerana tidak ada syubhah (kesamaran) dalam masalah ini. Diberi nama Al-Inah kerana berasal dari perkataan 'Ain (barangan) disebabkan si pembeli mahu mendapatkan barangan yang diperlukannya iaitu wang.

Terdapat dua hukum bagi Bai' Al-Inah:

- (a) Apabila seseorang membeli dari orang lain suatu barangan dengan harga tertentu secara ansuran, dan si penjual mensyaratkan kepadanya untuk menjual (kembali) barang tersebut kepadanya dengan nilai yang lebih rendah dari harga jualan pertama.
 - Menurut kesepakatan ulama'. Jualbeli ini adalah haram kerana ia wujud unsur penipuan dan seperti disandarkan kepada hukum Syarie' bagi mengelak riba'.
- (b) Apabila sesuatu barangan itu dijual dengan harga ansuran dan setelah barang itu dipegang oleh si pembeli. Maka ia menawarkannya untuk dijual semula kepada penjual dengan imbuhan wang, maka si penjual asal membelinya semula dengan harga lebih murah daripada harga jualan asal.
 - Wujud perbezaan antara a) dan b) yang mana a) wujud syarat yang telah ditetapkan oleh penjual. Manakala b) tidak wujud syarat tertentu.

Sesungguhnya para fuqaha' telah berselisih pendapat terhadap bentuk yang kedua kerana di lihat tidak mengandungi apa-apa syarat.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Walaupun perkhidmatan perbankan telah lama wujud di negara-negara Islam namun mereka biasanya hanya terhad kepada pemegang amanah berasaskan pemindahan dana, penyimpanan dana atau produk perbankan konvensional (bukan Islam). Menurut Sudin Haron (1996), Radiah Abdul Kader (2001) sekitar tahun 1950-an, percubaan pertama dilaksanakan bagi perbankan Islam yang moden di Pakistan namun tidak berjaya. Namun pada tahun 1960-an, terdapat sebilangan kecil bank-bank yang ditubuhkan hanya untuk menawarkan produk perbankan Islam namun terhad. Bank-bank kecil ini telah berjaya dan menjadi model bagi usaha perkembangan seterusnya. Antara yang menonjol dan mengikut jejak langkah bank-bank ini adalah Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji (PWSBH) di Malaysia.

Pertambahan permintaan produk perbankan Islam di seluruh dunia adalah dari orang Islam dan bukan Islam yang mana mereka mencari-cari produk perbankan yang berdasarkan Syariah

sepenuhnya. Perbankan Islam Moden kesan dari hasil inisiatif di Pakistan pada tahun 1950-an dan usaha pertama yang berjaya adalah berlaku di Mesir dan Malaysia pada tahun 1960-an. (Robert Hunt, 2007)

Kajian oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM, 2008) mendapati industri kewangan Islam global memerlukan 2 juta pekerja mahir dalam bidang berkenaan berbanding 92,000 orang pada tahun 2007. Kejatuhan sistem kewangan konvensional yang berpaksikan kepada penghasilan wang yang tidak disandarkan kepada aset merupakan punca berlakunya keruntuhan kredit yang memberi impak kepada Krisis Kewangan Asia 1997 dan Krisis ekonomi 2008.

Permasalahan dari tenaga kerja mahir bagi sektor kewangan Islam mendorong pembangunan ICT bagi perisian aplikasi kewangan Islam. Secara tidak langsung, ini akan dapat membantu mengembangkan dan merancakkan industri kewangan Islam. Ini akan menaikkan nama Malaysia sebagai hub kewangan Islam di dunia. Pada masa kini terdapat beberapa syarikat sistem global yang terkemuka seperti core vendor, flex solutions, Misys, Infosys, Sistem Access, Tata Consultcy services, dan Temenos kini menawarkan perkhidmatan sokongan untuk perisian perbankan Islam.

Pada akhir tahun 2010, 19% daripada jumlah aset perbankan Malaysia telah dikelaskan sebagai Islam. Bank Negara Malaysia telah menetapkan sasaran peningkatan ini kepada 40% daripada jumlah aset perbankan menjelang tahun 2020. Menurut Bank Negara Malaysia (2006) Pada masa ini, banyak institusi kewangan yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam tetapi tidak menggunakan penyelesaian perbankan Islam yang sebenar. Ini pada asasnya bermakna bahawa sistem semasa mereka tidak termasuk semua ciri-ciri yang perlu di dalam melaksanakan perbankan Islam, dengan penggunaan manual yang masih dikehendaki secara optimum.

Oleh sebab itu, aset perbankan Islam akan mencakupi bahagian yang lebih besar daripada jumlah aset perbankan konvensional (al-Harran, Saad (Ed.)(1995). Maka mereka perlu untuk meningkatkan sistem operasi mereka supaya lebih efisien. Terdapat juga institusi kewangan konvensional yang terlibat dalam perbankan Islam dengan menawarkan perkhidmatan perbankan Islam melalui "Skim Perbankan Islam."

Pada masa ini, pasaran perisian perbankan Islam di Malaysia dibahagikan antara tiga syarikat, iaitu Silverlake, Infopro dan Microlink (Zainal Amin Ayub, Mohammad Azam Hussain, Nurretina Ahmad Shariff & Hassan Ali (2007)). Microlink mempunyai pasaran saham-saham terbesar syarikat Malaysia, dengan tujuh tapak yang dipasang di dalam dan luar negara di dalam Asia Tenggara. Sebanyak 80% daripada perniagaan Microlink Solutions datang dari perbankan Islam, syarikat itu memilih untuk menembusi pasaran Asia Tenggara pada tahun 1996 apabila perkembangan industri perbankan Islam masih di peringkat awal.


3.0 PENYATA MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

Prof Saiful Azhar Rosly (2005) mendapati bahawa aset-aset yang terlibat di dalam urus niaga Bai 'Al-Inah digunakan sebagai objek rekaan untuk membuat keuntungan. Objek jualan (aset) hanya wujud untuk memenuhi keperluan kontrak untuk mendapatkan keuntungan melalui penjualan dan kontrak pembelian yang disifatkan sebagai dibenarkan di bawah prinsip-prinsip Islam. Malangnya, aset ini hanya memegang fungsi rekaan semata-mata kerana urus niaga itu hanya untuk membenarkan faedah (riba) dalam membuat pinjaman. Sistem perbankan Islam, sebagai contoh, menggunakan dolar AS sebagai aset untuk pembayaran pinjaman peribadi.

Oleh kerana terdapat lebih banyak bank-bank yang mematuhi syariah dibentuk dan bank-bank konvensional telah membuat keputusan untuk menawarkan produk perbankan Islam secara komprehensif dan agresif. Maka syarikat pembekal perisian konvensional perlu menambah perisian aplikasi produk perbankan Islam untuk bersaing di kawasan-kawasan dengan lebih ramai penduduk Muslim. Tambahan pula wujud pasaran dan permintaan di bank-bank yang mematuhi Syariah di negara yang minoriti Islam. (Robert Hunt, 2007)

Akhirnya ini telah memaksa bank-bank antarabangsa seperti HSBC dan Citibank untuk mengurangkan bilangan sistem konvensional yang digunakan di cawangan antarabangsa mereka. Bank-bank ini juga boleh dijangka di dalam mempertimbangkan perisian aplikasi produk perbankan Islam sebagai faktor menggantikan sistem konvensional. Walaupun wujud kos bagi menambah sistem perisian ini, namun permintaan dan pasaran industri perbankan Islam yang semakin berkembang memberi kesan positif di dalam perbelanjaan pembangunan sistem perisian produk perbankan Islam.

Forum Kewangan Islam yang diadakan di London, UK pada Januari 2010 menunjukkan peningkatan permintaan bagi peminjaman kredit dan dana jangka pendek bagi perbankan Islam. Seperti yang ditunjukkan di Rajah 1



Sumber: Forum Kewangan Islam, London, UK, Januari 2009

Usaha yang diperlukan untuk menggabungkan sistem perisian perbankan Islam dalam sistem perbankan konvensional begitu ketara. Maka dicadangkan dan diperincikan syarikat pembangun sistem perisian perbankan Islam perlu mengatasi isu-isu yang akan wujud sepanjang pembangunan sistem perisian perbankan Islam.

Antaranya:

- (a) Perlu memahami tafsiran undang-undang Syariah yang berkaitan dengan perbankan Islam.
- (b) Keperluan di sesetengah negara yang menggunakan kalendar Islam Hijri (kalendar lunar Islam).

- (c) Ketidakselarasan dalam produk-produk yang dibenarkan di antara negara-negara dan wilayah.
- (d) Ketidakselarasan dalam bahasa Arab dan bahasa-bahasa yang berbeza di kalangan penduduk negara-negara Islam.
- (e) Permintaan untuk keupayaan produk baru sebagai produk perbankan yang ditakrif sebagai perkhidmatan yang mematuhi Syariah yang baru.
- (f) Penyertaan sistem perakaunan Islam yang terperinci diperlukan.


4.0 PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

1.1.1 REKABENTUK BAI' AL-INAH DI MALAYSIA

Industri kewangan Islam di negara ini telah membangun dengan pesatnya. Sejak lima tahun yang lalu, sektor perbankan Islam di Malaysia telah mencatat pertumbuhan dua angka dengan kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 20% dari segi aset (Dato' Muhammad bin Ibrahim (2009)). Pada suku kedua tahun 2009, bahagian aset perbankan Islam daripada jumlah aset sektor perbankan keseluruhan telah berkembang hingga mencapai 18.9% berbanding hanya 10.5% pada tahun 2004. Industri takaful juga mencatat prestasi yang membanggakan dengan kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 25.1% dari segi caruman dalam tempoh yang sama. Jumlah caruman industri takaful juga mencatatkan penguasaan yang lebih besar dalam keseluruhan sektor insurans hingga mencapai 9.25% pada suku tahun kedua 2009. Malaysia juga kekal sebagai pasaran sukuk terbesar di dunia dengan mencakupi 62% daripada seluruh terbitan sukuk global. Sesungguhnya, pasaran modal, takaful dan perbankan Islam kita adalah antara yang termaju di dunia.

Bank Negara Malaysia (2006) telah meringkaskan cara Bai' Al-Inah yang diguna pakai di Malaysia, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Ini digunakan oleh Bank Negara bagi pengeluaran Sijil Pelaburan Kerajaan (GIC).


Rajah 2: Carta alir Bai' Al-Inah diadaptasikan di Malaysia



1.1.2 REKABENTUK PERISIAN APLIKASI BAI' AL-INAH

Pengkaji telah meringkaskan reka bentuk kerangka aplikasi perisian Bai' Al-Inah yang boleh diguna pakai di Malaysia, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.

Rajah 3: Kerangka perisian aplikasi Bai' Al-Inah



1.1.3 PANDANGAN ULAMA' BERKAITAN BAI'AL-INAH

4.1.1 Ulama' Mazhab As-Syafie'

Menurut ulama' mazhab As-Syafie' jualan itu dibenarkan kerana, dalam kata-kata Imam As- Syafie', kontrak adalah sah (Sahih) dengan bukti-bukti luaran bahawa mereka betul membuat kesimpulan: niat yang menyalahi undang-undang (niyya atau qasd) pihak-pihak adalah tak material, ia tidak membatalkan perbuatan mereka, melainkan jika dinyatakan dalam akta itu. Menurut Qadri (Ulama' dunia moden) Imam As-Syafie' digambarkan beliau dengan contoh ajaran berikut yang berkaitan dengan perkahwinan seorang lelaki yang bercadang untuk menyimpan isterinya hanya untuk masa yang singkat. Bahawa perkahwinan tersebut adalah sah manakala perkahwinanan mut'ah adalah tidak sah (Batil). Ini menunjukkan Imam As-Syafie' yang dianggap bahawa niat pihak-pihak diambil kira hanya apabila niat yang tidak sah dan jelas disebut dalam kontrak.

Imam Syafie ada menyebut dalam kitabnya al-Umm seperti berikut:

“ Sekiranya pada anggapan kita tentang seseorang yang sedang berjual beli itu adalah haram sedangkan dia sendiri merasakan ia adalah halal, maka kita tidak boleh menghukum bahawa amalan baiknya sebelum ini telah dibatalkan (dianggap sia-sia) oleh Allah.”

Ibn Hazm menyatakan bahawa hukum asal jual beli adalah harus berdasarkan firman Allah:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

*“ Dan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba” [Al-Baqarah : 275]
Maka, hukum bai' al- inah adalah harus kerana ia merupakan satu bentuk jual beli.*

Dalam meneliti masalah bai 'al-inah ini, menarik untuk diperhatikan adalah pendapat Ibnu Taimiyyah mengenai jualan (sales). Ibnu Taimiyyah membahagikan jualan kepada tiga bahagian:

1. Seseorang membeli barang dengan tujuan untuk dimakan. Tentu saja dalam hal ini undang-undang Islam membolehkannya.
2. Seseorang membeli barang dalam rangka untuk dijual kembali. Dalam hal ini pun Islam tidak melarangnya.
3. Seseorang membeli barang bukan untuk tujuan seperti kelompok pertama dan kedua, namun untuk mendapatkan wang. Kerana meminjam wang sangat sukar, ia perlu membeli barang dengan harga yang lebih tinggi dan akan selepas itu dijual kembali kepada pihak yang sama untuk mendapatkan wang tunai.

4.1.2 Ulama' Mazhab Maliki Dan Hambali

Mazhab Maliki dan ulama-ulama Hanbali berpendapat bahawa kontrak Al-Inah tidak sah kerana, menurut mereka motif pihak-pihak kepada kontrak itu menentukan kesahihan atau menyalahi undang-undang kontrak, dandalam penjualan di bawah pertimbangan motif pihak-pihak adalah salah di sisi undang-undang (Shariah), dan oleh itu, jualan adalah tidak sah kerana mereka merupakan penghalang undang-undang (Hilah) untuk mendapatkan pinjaman dengan faedah yang harus dielakkan di semua kos mengikut yang Syariah. Ibn Qayyim, seorang pengarang Imam Hanbali menyatakan bahawa niat mempengaruhi tindakan-tindakan undang-undang. Ini bermaksud akta undang-undang boleh sama tetapi keputusan akhir bergantung kepada niat. Ulama' Hanbali menyatakan bahawa jika penjual jus anggur tahu, sama ada beli secara tunai atau hutang. Bahawa pembeli berhasrat untuk menggunakan jus untuk membuat wain, maka kontrak itu adalah tidak sah.

Imam Maliki juga berpendapat untuk membatalkan penjualan mana- mana pihak yang berkontrak berhasrat untuk menggunakan barang itu bagi maksud yang menyalahi undang-undang (Shariah), seperti penjualan senjata kepada orang-orang yang sedang berperang atau penyamun. Maka terbatalah kontrak itu. Ia adalah tersurat pada pendapat ulama yang dinyatakan di atas bahawa niat yang perlu diambil kira berhubung dengan tindakan undang-undang. Islam tidak menyuruh Islam untuk menentukan objektif, dan kemudian menggunakan apa sahaja cara untuk mereka mencapai objektif itu. Sebaliknya, ia memberitahu mereka bahawa jika cara adalah betul, hujung akan menjaga diri mereka sendiri. Islam tidak mengajar kita untuk mengatasi riba' dengan bersaing dengan insitisi pengamal riba'.

5.0 IMPLIKASI KAJIAN

Krisis ekonomi yang melanda dunia baru-baru ini sekitar 2008 mempunyai kesan yang buruk kepada situasi semasa, terutama sistem konvensional. Tetapi kesan terhadap kewangan Islam adalah kecil berbanding dengan senario konvensional telah membuka mata banyak pihak untuk beralih kepada sistem kewangan yang berasaskan syariah itu. Ini menunjukkan bahawa permintaan untuk perisian kewangan Islam begitu meluas dalam pasaran industri kewangan Islam. Organisasi yang mementingkan pelanggan akan memanfaatkan pengetahuan mereka untuk kesenangan pelanggan. Bukan sahaja menjual dan mencari peluang, tetapi juga kepada pelanggan yang lebih baik dan mewujudkan pakej perkhidmatan yang direka untuk memenuhi keperluan populasi sasaran.

Dijangka dengan perubahan teknologi yang pesat, pelanggan-pelanggan akan membuat pilihan sendiri dengan berpindah ke organisasi yang lebih berupaya untuk menjangka dan memenuhi keperluan perkhidmatan individu. Mereka tidak akan menerima struktur yuran yang rumit atau kontrak dengan terma-terma dan syarat-syarat yang samar-samar tetapi sebaliknya akan menuntut ketelusan dalam semua urusan mereka dengan bank.

Menjelang tahun akan datang, teknologi akan menjadikan ia lebih mudah untuk pelanggan-pelanggan melakukan penyelidikan, perbandingan, membentuk dan memecahkan hubungan dengan institusi-institusi kewangan dan pada masa yang sama menuntut sokongan yang lebih besar dan kawalan ke atas urusan niaga mereka. Satu kajian selidik baru-baru ini menunjukkan bahawa permintaan perkhidmatan 10 bank di Amerika Syarikat sudah jatuh sekitar 31 peratus. Ini dipercayai kerana bank tersebut bertindak lebih mementingkan keuntungan mereka daripada pelanggan mereka.

6.0 KESIMPULAN

Semoga usaha pengkaji ini dapat memberi sumbangan penyelidikan kepada industri perbankan Islam dan masyarakat Islam khususnya. Beberapa cadangan daripada kajian ini dikemukakan, antaranya adalah, satu modul aplikasi perisian untuk kewangan Islam – Peisian aplikasi Bai' Al-Inah diperakui dari segi hukum dan ketepatannya mengikut Syariah dari aspek fiqh dan Usul-Fiqh. Ia juga boleh diterimapakai oleh semua mazhab bukan hanya Mazhab Syafi'e malah 3 Mazhab yang lain. Masyarakat Islam menjadi titik tolak bagi menghindar dan mengelak masyarakat terdedah kepada riba', gharar (ketidakpastian) secara keseluruhan. Ini kerana produk perkhidmatan Bai' Al-Inah merupakan produk yang majoriti di langgan oleh pelanggan terutama masyarakat Islam.

RUJUKAN

- Al-Harran, Saas (Ed.) (1995). *Leading Issues in Islamic Banking and Finance*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication
- Alshawi, S., Irani, Z. & Baldwin, L. (2003). "Benchmarking Information Technology Investment and Benefits Extraction", *An International Journal of Benchmarking*, 10, 4, 414-423.

- Bank Negara Malaysia. (2006). *Islamic Products Information Kit*.
- Fincham, R., Fleck, J., Procter, R., Scarbrough, H., Tierney, M. & Williams, R. (eds.). (1994). *Expertise and Innovation: Information Technology Strategies in the Financial Services Sector*, Oxford: Oxford University Press.
- Fuad al-Omar & Mohamad Abdel Haq. (1996). *Islamic Banking Theory, Practice and Challenges*, Karachi : Oxford University Press
- Garbade, K. D. & Silber, W. L. (1978). “Technology, Communications and the Performance of Financial Markets: 1840–1975”, *Journal of Finance*, 33, 3, 819–32.
- Ibn Qayyim al-Jawziyya-Ilam al-muwaqqiin, vol. 3, pp 98-99.
- Ibn Qudama, al-Mughni, vol. 4, pp. 245/7
- Ibn Rushd. Bidayat al-Mujtahid, vol.2, p. 58; lihat Majallah al-Ahkam al Adliyyah, Article 3, yang menyatakan bahawa "niat dan makna dan bukan kata-kata atau pembinaan kontrak mesti dipertimbangkan".
- Ibn Taymiyyah, Majmu di dalam al-Fatawa, vol. 29 pp. 334.
- Iqbal, Z. (1997, June). *Islamic financial system. Finance & Development*, pp. 42–45.
- Irfan Syaqui Beik & Radyta Sukmana. (2006, 18 Januari) “Malaysia dan Bai al-Inah”, *Republika*.
- Ismail, H., & Abdul Latiff, R. (2001). *Survey and analysis of financial reporting of Islamic banks worldwide*. Kuala Lumpur: Malaysian Accountancy and Research and Education Foundation.
- Parker, M. (1993, December). “A look into challenges facing Islamic banking”, *Arab News*, pp.16–18.
- Radiyah Abdul Kader (2001), *Ekonomi Islam*, Kuala Lumpur : Univision Press, hal. 144
- Saiful Azhar Rosly,& Mahmood M. Sanusi. (1999). “The Application of Bay’ Al-‘Inah and Bay’ Al-Dayn in Malaysian Islamic Bonds: An Islamic Analysis”, *International Journal of Islamic Financial services*, 1:2.
- Sudin Haron. (1996). *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing
- UAE Banking Review. (2005). *Technology for Islamic banks: A Growing Challenge*, Sterling Publications.
- Muhammad bin Ibrahim. (2009). Ucaptama oleh Penolong Gabenor BNM Dato' Muhammad bin Ibrahim di Majlis Muhadharah ILIM Kali Ke-9 yang bertajuk "Kedudukan Sistem Kewangan Islam di Malaysia – Satu Tinjauan
- Walker, D.A. (1978). “Economies of Scale in Electronic Funds Transfer Systems”, *Journal of Banking and Finance*, 2, 65–78.
- Zainal Amin Ayub, Mohammad Azam Hussain, Nurretina Ahmad Shariff & Hassan Ali. (2007). “Harmonizing Civil Litigation With Syariah Litigation in Islamic Banking: Malaysia Experience”, *Civil Law Journal*, Vol. 2, hal. IX